



## KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA FATWA SARAWAK

MLFNS-17 (1)

13 Julai 2010

### HUKUM PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM AKTIVITI CANDLELIGHT VIGIL PADA SESUATU PERHIMPUNAN ATAU ACARA

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-17 yang bersidang pada 1 Syaaban 1431 bersamaan 13 Julai 2010 telah memutuskan bahawa:

Islam melarang umatnya daripada terlibat dalam apa jua amalan yang bersifat ritual atau upacara agama bukan Islam.

- Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa umat Islam dilarang menyertai aktiviti Candlelight Vigil kerana ia mengandungi unsur-unsur tasyabbuh dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam.
- Mesyuarat bersetuju agar khutbah khas disediakan berhubung perkara ini dan dicadangkan supaya Jabatan Agama Islam Sarawak mengurussetiakan perbincangan atau bengkel khusus yang membincangkan tentang pendekatan dalam menyampaikan hal ini secara berkesan kepada umat Islam.

Bertarikh 13 Julai 2010  
(MLFNS-17/(1))

**DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN**

Pengerusi

Lembaga Fatwa Negeri Sarawak

جَابَاتَانِ مُفْتِي سَارَاوَاك  
JABATAN MUFTI SARAWAK